



Yayasan Waqaf Malaysia (PPAB-02/2008)

## **YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

### **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

1. Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (GRED N19)**
2. Penempatan : Bahagian Kewangan
3. Bilangan kekosongan : Satu
4. Taraf Jawatan : Kontrak
5. Gaji Ditawarkan :
  - Gaji Pokok : RM1,592.00
  - Elaun Tetap Perumahan: RM300.00
  - Elaun Sara Hidup : RM350.00
  - Elaun ITKA : RM160.00
6. Syarat Lantikan :
  - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
  - memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan

- Diskripsi tugas :
- Menyedia dan menyelenggara lejar am berkaitan hasil (penghutang) di dalam sistem SQL;
  - Menyedia dan menyelenggara Buku Tunai harian;
  - Menyedia penyata penyesuaian bank bagi akaun Dana Hasil dan akaun Dana Terikat (*Sinking Fund*) dikemaskini mengikut bulan semasa;
  - Menyedia dan menguruskan bayaran pajakan bulanan, Tabung Penyelenggaraan, Dana Terikat (*Sinking Fund*) dan bayaran cukai berwajib kepada pihak yang berkaitan;
  - Menerima semua jenis hasil serta terimaan dan mengeluarkan resit-resit rasmi YWM;
  - Menyediakan baucar bayaran bersama cek / surat arahan pindahan dana kepada bank / perbankan atas talian, memo, surat pembayaran dan dokumen sokongan untuk setiap bayaran daripada Akaun Hasil YWM;
  - Mengeluarkan inbois sewaan dan caj pengurusan WTM bagi setiap bulan kepada penyewa dan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri;
  - Mengeluarkan surat peringatan kepada penyewa yang gagal membayar dalam tempoh yang ditetapkan; dan
  - Menyediakan surat / memo berkaitan urusan kewangan dan perakaunan;
  - Menyelenggara fail / dokumen berkaitan urusan kewangan;

- Menghadiri latihan / kursus / seminar/persidangan; dan
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## **CARA MEMOHON**

- Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen yang disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- Permohonan hendaklah disampaikan kepada:  
**Bahagian Pengurusan**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**Aras 8, Blok D**  
**Kompleks Islam Putrajaya**  
**Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3**  
**62100 Putrajaya.**
- Tarikh tutup iklan ialah pada **24 Januari 2025 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari.**

## **CATATAN AM**

- Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

## **PENAFIAN**

Iklan jawatan kosong ini semata-mata untuk tujuan pelawaan sahaja dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat dengan mana-mana pihak. YWM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kekeliruan mengenai maksud iklan jawatan kosong ini. Keputusan pengambilan pekerjaan adalah sepenuhnya bergantung kepada Pengurusan YWM.

